

28 APR 2001

Mahathir-Mokhzani (Bergambar)

SAYA TAK BOLEH HENTIKAN FITNAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak boleh berbuat apa-apa jika ada pihak terus membuat fitnah mengenai pembabitan anaknya dalam perniagaan.

"Apa saya nak buat, orang nak kata juga, kalau ambil anak saya buang dalam laut pun dia kata (pula) itu satu cara nak dapatkan sokongan. Jadi orang yang nak fitnah, fitnah juga," katanya kepada pemberita sebaik tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang hari ini daripada lawatan dua hari ke Emiriyah Arab Bersatu.

Beliau ditanya mengenai tohmahan terhadap anaknya Mokhzani walaupun anaknya itu telah mengumumkan pengunduran daripada dunia korporat.

Perdana Menteri berkata beliau tidak boleh menghalang anak-anaknya jika mereka ingin menyertai dunia perniagaan sektor swasta.

"Saya dah larang anak-anak saya daripada jangan terlibat dengan kerajaan. Dia nak buat bisnes dengan sektor swasta, takkan saya nak tahan dia pula, asalkan tak ada bisnes dengan kerajaan sudahlah," katanya.

"Tapi kadang-kadang bila dia terlibat dengan takeoverkah (pengambilalihan)...apakah, dia punya company yang dia takeover itu mungkin ada company yang mempunyai company yang terlibat sedikit dengan kerajaan. yang itu tak boleh dielaklah," kata Dr Mahathir

Perdana Menteri juga berkata beliau tidak mengetahui mengenai tindakan Mokhzani mengundurkan diri daripada dunia korporat.

"Saya diberitahu mengenainya oleh media. Saya tak ada apa-apa yang nak dikatakan tentang perniagaan anak-anak saya, itu urusan mereka, saya tidak ada kaitan," katanya.

Dua hari lepas, Mokhzani mengumumkan pengundurannya dari dunia korporat kerana kecewa dengan tohmahan dari pihak tidak bertanggungjawab yang memburukkan nama beliau serta bapanya.

Mokhzani adalah Ketua Pegawai Eksekutif Tongkah Holdings dan Pantai Holdings Berhad.

-- BERNAMA

RV AZZ MAI